

KONSEP ADAB MELALUI STRATEGI PEMBELAJARAN HEUTAGOGI DAN MEDIAMORPHOSIS DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

*Ruzainim Mohd Zelani¹, Norhapizah Mohd Borhan², Ainun Izzati Masriman³, Tijan Abdul
Rahim⁴

^{1,3,4}Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Selangor, 40450
Shah Alam

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Pahang, 26400
Bandar Jengka

**Corresponding Author: drizauitm@gmail.com*

Abstrak: Penularan wabak Covid-19 memberikan impak terhadap sektor pendidikan negara. Ini menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di semua Institusi Pendidikan Tinggi ditangguhkan. Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengarahkan semua aktiviti (PdP) hendaklah dilaksanakan secara dalam talian. Arahan ini menekankan strategi heutagogi iaitu pembelajaran penentuan sendiri menggunakan mediamorphosis (peranti teknologi digital). Melihat kepada situasi semasa, keperluan (PdP) menggunakan pendekatan heutagogi dan mediamorphosis ini amat mengutamakan elemen adab seseorang pelajar. Persoalannya, bagaimanakah pelajar mempraktikkan adab semasa pembelajaran secara penentuan sendiri mereka? Seterusnya, apakah aspek yang menjadi fokus dalam pengajaran berasaskan strategi heutagogi-mediomorphosis? Akhirnya, kajian ini akan merumuskan elemen-elemen adab untuk dipraktikkan oleh pelajar. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melakukan kajian sistematik literatur mengenai konsep adab melalui strategi pembelajaran heutagogi dan mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi. Proses tinjauan merangkumi metodologi utama yang dipandu oleh ROSES, strategi pencarian sistematik berdasarkan pengenalan, penyaringan artikel diikuti dengan penilaian kualiti serta pengekstrakan dan analisis data. Artikel ini menggunakan tiga pangkalan data iaitu, MyCite, DOAJ dan ERIC. Kesimpulannya, 37 artikel yang terpilih ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman dan pengetahuan tentang konsep adab yang dipraktikkan oleh pelajar melalui strategi pembelajaran heutagogi dan mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi.

Kata kunci: adab, heutagogi, mediamorphosis, institusi pengajian tinggi

Pendahuluan

Perkembangan abad ke-21 memperlihatkan cabaran dan perubahan yang perlu dipikul bersama khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Melihat kepada gambaran semasa dalam dunia pendidikan kini, medium teknologi diperlukan seiring dengan kemahiran yang sentiasa berubah (Lubis, 2021). Demi kelangsungan pengajaran dan pembelajaran, banyak pendedahan dan kemahiran baharu diaplikasikan bagi menyokong kemajuan dalam sistem pendidikan. Berikutan daripada penularan pandemik COVID-19 menyebabkan seluruh institusi pendidikan terpaksa ditangguhkan secara bersemuka. Lantaran lagi, isu ini memerlukan perubahan dari segi penyampaian oleh para pensyarah dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Justeru, bagi mendepani isu ini, tidak bermakna perlu menghentikan pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya. Sebaliknya, seluruh institusi pendidikan memerlukan peralihan penyampaian ilmu secara penentuan sendiri. Para

pelajar cuba berlatih menggunakan kemahiran dan pengalaman sendiri untuk memperoleh ilmu. Secara umumnya, konsep pengajaran dan pembelajaran ini diistilahkan dengan konsep heutagogi.

Heutagogi atau pembelajaran penentuan sendiri adalah konsep yang berpotensi untuk dijadikan pembelajaran secara berterusan. Ianya melibatkan interaksi persekitaran, pengalaman dan membawa kepada pertambahan ilmu secara semula jadi (Hase & Kenyon, 2000). Pelopor kepada pembelajaran heutagogi ini ialah Hase & Kenyon (2000), menjelaskan perkataan heutagogi diambil daripada perkataan Greek yang bermaksud diri sendiri atau “*self*”. Pendekatan ini memberi penekanan kepada bagaimana untuk memperoleh ilmu berbanding memberikan ilmu secara terus kepada pelajar. Motivasi diri merupakan pendorong untuk mewujudkan kesedaran, keinginan atau komitmen dalam melaksanakan tugas yang membawa kepada pencapaian matlamat pembelajaran (Boyer et al., 2014). Blascke et al., (2012) menyatakan terdapat empat aspek yang perlu ditekankan dalam konsep heutagogi, iaitu:

- a. Kemahiran penentuan sendiri - mengetahui bagaimana untuk memperoleh ilmu dengan sendiri dan sentiasa melalui proses pembelajaran.
- b. Kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan - Sikap keterbukaan dalam bekerja secara berkumpulan.
- c. Kreatif - Cekap dalam menyelesaikan masalah kepada situasi yang baru.
- d. Sentiasa positif - amalan sikap positif bagi meningkatkan motivasi diri (Hase & Kenyon, 2000).

Prinsip heutagogi menjelaskan bahawa peranan pelajar sebagai ejen utama, manakala pendidik sebagai fasilitator. Terdapat enam prinsip heutagogi iaitu elemen meneroka, mencipta, kolaborasi, berhubung, refleksi dan perkongsian (Blaschke, 2012). Meneroka ialah konsep asas dalam heutagogi dan sering menjadi contoh kepada pembelajaran nonlinear. Selain itu, internet boleh menjadi alat yang berkuasa dalam meneroka sesuatu bidang. Kepelbagaian medium yang digunakan terutamanya penggunaan media baharu yang diistilahkan sebagai mediamorphosis. Berdasarkan Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) media membawa maksud alat atau perantara dalam komunikasi dalam hubungan. Dalam kajian ini, mediamorphosis membawa makna kepada transformasi media yang diguna pakai untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Kajian (Samir, 2015) berpendapat mediamorfosis adalah teori yang cuba memahami jenis perubahan media. Tetapi bagi (Fidler, 1997), mediamorphosis ini wujud bukan sekadar teori atau pendapat tentang evolusi teknologi tetapi bertujuan menyatukan transformasi media yang berkembang.

Enjin pencarian dalam talian seperti google memberikan banyak peluang kepada pelajar untuk mengeksplorasi ilmu. Platform media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *Pinterest* dan *LinkedIn* membolehkan pelajar mencari pakar atau komuniti pembelajaran di serata dunia. Mengambil ibrah daripada krisis pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia mampu memotivasikan hampir setiap manusia untuk menggunakan media baharu sebagai medium untuk menyiapkan tugas pelajar. Ke kerapannya pelajar menggunakan peralatan digital tidak pernah atau kurang dari sekali seminggu bahkan membuktikan bahawa setiap lapisan generasi menggunakan teknologi dalam pelbagai bidang (Rodrigues et al., 2021). Begitu juga yang dapat dilihat dalam bidang pendidikan. Semakin cepat waktu berlalu, tenaga pendidik dan pelajar semakin mahir menggunakan aplikasi media sosial seperti *Zoom*, *Google Meet*, *Cisco WebEx* sebagai pertukaran pembelajaran di sekolah (Mishra, 2020). Medium Facebook pada awalnya menjadi alat rangkaian sosial yang berkemampuan menjadi transformasi kaedah pembelajaran di institut pengajian tinggi (V.Rasiah, 2014). Platform *Facebook* dan *Twitter* turut diperkaya fungsi seperti menjadi platform yang dijadikan medium perbincangan perkembangan profesional, komunikasi sosial dan juga medium pembelajaran (Alamri, 2021; Nelimarkka et al., 2021).

Faktor perubahan norma baharu berbantuan medium teknologi ini mendorong kepada perubahan gaya pengajaran dan pembelajaran seseorang pelajar. Namun, di sebalik gaya PdP norma baharu ini, wajar di ketengahkan peranan adab dalam PdP mereka. Islam amat menitikberatkan elemen adab kepada setiap individu muslim sebelum menuntut ilmu. Tambahan pula, menuntut ilmu merupakan tuntutan terhadap setiap insan dan kewajiban buat mereka walau dalam apa cara sekalipun. Tuntutan menuntut ilmu ini juga perlu dilakukan secara berterusan tanpa batasan masa. Kepentingan dan kelebihan menuntut ilmu banyak disebut dalam kebanyakan nas syarak. Misalnya, Rasulullah SAW pernah bersabda di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud “Menuntut ilmu adalah merupakan kewajiban ke atas setiap Muslim”. Justeru, kehidupan akan menjadi terumbang ambing dan tidak menentu jika kurangnya penghayatan dalam ilmu kerana ilmu adalah penentu kehidupan dan kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Oleh itu, sebagaimana pembelajaran secara bersemuka, adab dan etika pembelajaran juga perlulah difahami dan diikuti oleh setiap pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian.

Pelbagai hikmah pendidikan atas talian ini sewajarnya direnungi oleh para pendidik dan golongan pelajar bahawa kaedah pendidikan sekarang adalah alternatif terbaik sedia ada (Asmah & Ribhan, 2021). Hal ini bagi memastikan proses menuntut ilmu dapat dilaksanakan dengan baik. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran akan terganggu serta akan mengundang suasana tidak harmoni jika kefahaman mengenai adab atau etika yang baik gagal diterapkan semasa sesi pembelajaran secara dalam talian serta keperluan mempraktikkannya juga sekali gus turut terganggu. Antara contoh adab yang boleh diamalkan dan diterapkan oleh setiap pelajar muslim termasuklah dari aspek niat belajar, berdoa sebelum belajar, menjaga masa dan keterampilan diri ketika sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian. Para pelajar juga turut digalakkan supaya melakukan persediaan awal untuk pembelajaran serta menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran. Menurut konteks penyelidikan, adab dapat melahirkan kaedah-kaedah yang bersesuaian dan selari dengan bidang pengkajian. Misalnya dalam kajian sains tabii, keseimbangan antara manusia dengan alam tabii dapat dinatijahkan jika peranan mempraktikkan adab itu dilaksanakan serta bagi melahirkan pemikiran penyelidik agar lebih bermatlamat, berkualiti, dan menjadi fungsi sebenar bagi setiap makhluk ciptaan Allah SWT yang diteliti dan dapat diposisikan mahupun diletakkan di tempat yang sewajarnya (Alias, 2018; Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011).

Melihat kepada perubahan dunia pendidikan kini seiring dengan kemajuan teknologi, penggunaan media sosial menjadi satu elemen yang penting dalam kehidupan manusia bukan sahaja sebagai komunikasi, tetapi turut digunakan dalam bidang pendidikan. Media sosial didefinisikan sebagai sebuah kelompok aplikasi yang menggunakan internet berlandaskan dasar teknologi dan teknologi web 2.0 (Adibah et.al, 2019). Manakala, istilah mediamorphosis pula merujuk kepada transformasi media komunikasi, kebiasaannya dibawa daripada interaksi kompleks sebagai keperluan inovasi sosial dan teknologi. Melihat kepada perubahan sistem pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan pada hari ini mengorak langkah sehingga berlakunya penggunaan teknologi digital pada masa kini. Pembelajaran yang mengaitkan elemen mediamorphosis ini mempunyai grafik, visual, perkataan, animasi, video dan audio yang lebih menarik minat pelajar. Pembelajaran atas talian dilaksanakan tanpa mengira jarak dan jumlah ahli yang melayarinya. Platform pembelajaran atas talian yang sering digunakan dalam menyokong pembelajaran ialah *Blog, Twitter, Facebook, Wikipedia* dan *YouTube*. Ciri persamaan antara media sosial dan pembelajaran bermakna menunjukkan bahawa pendekatan ini menengahkan elemen kolaborasi, interaksi dan komunikasi (Nurul Shakirah & Hairulliza, 2020). Misalnya, aplikasi *google classroom* misalnya boleh dijadikan sebagai medium penyediaan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengedarkan tugas, penghantaran jawapan tugas, pengumuman serta menpensyarahkan semua aktiviti kelas atas talian.

Beberapa implikasi pelaksanaan heutagogi untuk pendidikan tinggi turut dibincangkan. Beberapa orang pengkaji telah menjelaskan tentang pembelajaran heutagogi mengikut kepada keperluan bidang kajian mereka. Antaranya ialah hikmah penyampaian ilmu melalui pembelajaran atas talian iaitu, penggunaan kemudahan atas talian adalah menyokong aktiviti pembelajaran heutagogi yang bersifat fleksibel (Norwahida et.al, 2021). Keupayaan pelajar untuk menentukan pembelajaran masing-masing mengikut pilihan, keperluan, minat dan tujuan mereka (Mohd Tajudin et al., 2020). Selain itu, hikmah yang diperolehi melalui pembelajaran penentuan sendiri secara atas talian ialah penerokaan ilmu, kolaborasi dan perkongsian ilmu menunjukkan tahap penerimaan pelajar yang tinggi. Ini memberikan keyakinan kepada penyelidik bahawa pelajar telah bersedia untuk menguasai pendekatan heutagogi. Kemahiran-kemahiran ini wajar dikuasai oleh para pelajar sebagai persediaan di alam kerjaya. Kemahiran kerjaya di masa hadapan yang diperlukan meliputi elemen kreativiti, pemikiran kritis, komunikasi dan kolaborasi (Chan et.al, 2021). Inilah yang dimaksudkan dengan kemahiran 4C (*Creativity, Critis, Communication & Collaboration*) yang wajar diberi tumpuan (Jamaludin et al., 2020). Persoalannya, bagaimanakah pelajar mempraktikkan adab semasa pembelajaran secara penentuan sendiri mereka? Seterusnya, apakah aspek yang menjadi fokus dalam pengajaran berasaskan strategi heutagogi-mediomorphosis? Akhirnya, kajian ini akan merumuskan elemen-elemen adab untuk dipraktikkan oleh pelajar. Maka, kajian tentang konsep adab wajar di ketengahkan dalam pembelajaran penentuan sendiri menggunakan mediamorphosis.

Konsep Adab Menerusi Konteks Pembelajaran

Umum mengetahui, pada era globalisasi dan modenisasi kini, sektor pendidikan menjadi salah satu sektor yang sangat penting di Malaysia. Justeru, pelbagai institusi pendidikan telah ditubuhkan dan dinaik taraf dari masa ke semasa. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menempatkan sebilangan besar pelajar dan menjadi salah satu institusi pendidikan terpenting ke arah pembentukan peribadi yang seimbang khususnya kepada pelajar IPT. Konsep keseimbangan ini meliputi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Menurut Hassan Langgulung dan Wan Mohd Noor (2011), pendidikan dalam erti yang lebih khusus merujuk kepada aktiviti manusia bagi memelihara kelangsungan hidupnya sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat. Maka, pasak utama terhadap konsep pendidikan adalah untuk mencapai pembentukan akidah, sikap, kemahiran, keperibadian serta pandangan hidup yang berperanan untuk membina dan membangun diri, masyarakat serta persekitaran berlandaskan asas mencari redha Allah SWT.

Seterusnya, istilah adab dari sudut bahasa, menurut Abu Hasan (1979) berasal daripada bahasa Arab iaitu al-adabu (yang bermakna berkumpul). Ia merujuk kepada maksud berkumpulnya orang ramai pada hidangan yang disediakan. Ia adalah kiasan kepada maksud berkumpulnya orang ramai untuk mendapatkan kebaikan dirinya. Adab juga membawa maksud berkumpulnya sifat-sifat yang baik pada seorang hamba (Ibnu Qayyim, 2011). Dari segi istilah, para sarjana Islam mempunyai definisi yang berbeza perkataan. Bagaimanapun, umumnya ia merujuk kepada makna kebaikan akhlak, sikap, sifat dan perilaku sama ada pada diri individu atau hubungannya dengan individu yang lain. Hal ini kerana konsep adab merangkumi semua aspek tingkah laku manusia yang berasaskan kepada nilai pada etika, moral, budi bicara, budi pekerti, kesopanan dan kehalusan (Adibah et.al, 2019). Sungguhpun begitu, menurut Syed Naquib Al Attas “adab adalah pengenalan dan pengiktirafan tentang hakikat bahawa ilmu dan kejadian telah disusun dengan tertib mengikut darjat dan martabatnya. Adab juga berkaitan dengan kedudukan seseorang dalam hubungannya dengan hakikat itu serta berdasarkan kepada daya dan potensi jasmani, akal dan rohnya Hal ini membuktikan bahawa hakikat kewajaran hidup manusia memiliki adab dalam diri. Justeru, konsep adab menurut Al-Attas merupakan

satu konsep yang saling bertautan dalam hidup manusia dan bersifat putaran iaitu hakikat manusia mempunyai perhubungan dengan setiap perkara yang terzahir mahupun bersifat metafizik (Al-Attas, 1980).

Justeru itu, meletakkan manusia ke satu darjat yang tinggi dengan syarat menjadikan adab sebagai satu amalan hakiki dalam kehidupan. Adab dapat membezakan antara manusia dan haiwan serta mampu membentuk peribadi muslim yang tulus berbanding insan lain. Selain itu, pembentukan adab juga dikaitkan dengan pengisian ilmu dalam diri manusia, ilmu bertanggungjawab memandu akali manusia ke arah kebaikan yang hakiki. Tambahan pula, adab dapat membantu menjalin hubungan dengan manusia dan makhluk Allah S.W.T yang lain di samping membentuk keperibadian yang mulia. Tuntasnya, adab merupakan perkara tunggak dalam pemurnian sifat manusia dan lebih tepat adab mampu menentukan jatuh bangun umat Islam masa kini (Adama, 2017).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah sorotan literatur sistematik (*systematic literature review*). Terdapat ramai pengkaji yang telah menggunakan metodologi ini antaranya (Amran et al., 2020; Kamal & Hussin, 2020; Shaffril et al., 2021). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti indikator adab menerusi pembelajaran heutagogi menggunakan media baru di Institusi Pengajian Tinggi. Kajian sistematik literatur (*systematic literature review*) merupakan kajian yang bertujuan mencari, menganalisis secara berstruktur, komprehensif dan tanpa keraguan (Haddaway et al., 2018). Ianya boleh diulang pada proses kajian seterusnya dalam kepelbagaian bidang. Proses tinjauan merangkumi metodologi utama yang dipandu oleh ROSES (Reporting Standards for Systematic Evidence Syntheses) yang telah dibangunkan oleh Haddaway et al. (2018). ROSES bertujuan untuk mengukuhkan dan mengekalkan metodologi membangunkan SLR melalui peningkatan ketelusan dan untuk memastikan dan mengawal kualiti semakan. Seterusnya, strategi pencarian dokumen telah dirancang dan dijalankan mengikut tiga fasa sistematik iaitu, pengenalan, saringan dan kelayakan. Di sini, kualiti setiap artikel yang dipilih telah ditentukan sebelum dimasukkan ke dalam semakan. Akhir sekali, artikel yang dipilih telah diproses melalui beberapa peringkat, pengekstrakan data dan analisis data. Proses pengekstrakan data berpandukan kepada persoalan kajian primer, manakala sintesis data kualitatif (sintesis tematik) dilakukan dalam menganalisis data yang diekstrak. Pengkaji akan mengikut cadangan yang dikemukakan dalam semakan dengan mempertimbangkan alternatif untuk memastikan protokol semakan memenuhi matlamat semakan.


Sumber dan Pencarian Data

Pengkaji telah mengaplikasikan tiga fasa kajian iaitu pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*) dan kelayakan (*eligibility*). Proses yang teliti perlu dilalui dalam kajian ini agar dapatan kajiannya yang berkualiti. Tiga fasa ini perlu melalui proses yang ketat dan teliti. Tujuan melalui proses-proses berikut adalah untuk menjaga kualiti kajian sistematik berdasarkan persoalan kajian. Pengkaji terdahulu mencadangkan agar menggunakan lebih daripada satu pangkalan data kerana tiada satu pun pangkalan data yang lengkap (Xiao & Watson, 2019). Apabila pengkaji menggunakan lebih daripada satu pangkalan data, ia dapat mewujudkan kepelbagaian perbezaan serta penambahbaikan. Selain itu, tiada pengkhususan jenis pangkalan data yang digunakan, memadai dengan melalui proses yang teliti ini. Maka ia dikenali sebagai analisis literatur sistematik (Shaffril et al., 2021).

Pencarian artikel bermula 5 tahun terkini dari tahun 2017 hingga tahun 2021 secara akses terbuka (*open access*) bagi mengelakkan bias dalam pemilihan artikel jurnal. Senarai

kata kunci semasa pencarian artikel lebih tertumpu kepada perkataan adab, *manners in self determined learning, heutagogy, mediamorphosis, new media, social media, implementation heutagogy in higher education, self determined learning* dan pembelajaran abad ke 21. Frasa heutagogi DAN pendidikan tinggi dan TIDAK sekolah menyokong istilah carian utama. Kata kunci yang difikirkan pengkaji ini amatlah bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian pertama, iaitu perkembangan kajian heutagogi dalam dua tahun terkini. Artikel yang dimuatturun mengenai kajian heutagogi ini melalui pangkalan data MyCite, DOAJ dan ERIC. Sebanyak 37 artikel yang berkaitan telah ditemui menggunakan frasa yang dinyatakan. Terdapat 9 bilangan artikel yang diperolehi daripada MyCite, 12 artikel daripada DOAJ dan 16 daripada sumber ERIC. Setelah pencarian artikel dilaksanakan, maka tema-tema yang muncul dapat dikumpulkan serta dijelaskan dalam dapatan kajian. Sintesis data kualitatif (sintesis tematik) dilakukan dalam menganalisis data yang diekstrak.

Rajah berikut menunjukkan gambaran sumber dan pencarian artikel tentang kajian ini.



Adaptasi daripada gambar rajah ROSES *Reporting standards for Systematic Evidence Syntheses* (Haddaway, N.R., Macura, B., Whaley, P., et al., 2018)

Dapatan Kajian dan Perbincangan

PENGKAJI	TEMA			
	MOTIVASI	SIKAP	PENYAMPAIAN	KOMUNIKASI
(Abdullah, 2020)				/
(Gülbahar et al., 2017)			/	
(Bazana et al., 2018)		/		
(Zachos et al., 2018)	/			
(Anderson, 2019)				/
(Norhailawati et al., 2019)	/			/
(Chng, 2020)	/	/		/
(Giannikas, 2019)	/			/
(Sutherland et al., 2020)				/
(Kuruliszwili, 2019b)	/			
(Inderawati et al., 2019)			/	
(Joković, 2018)		/		
(Kefalis & Drigas, 2019)			/	
(Mardiana, 2019)		/	/	/
(Muhali, 2019)		/		/
(Annamalai, 2018)		/		/
(Bakari & Ashaariiii, 2019)		/	/	/
(Syahirah et al., 2017)				/
(Salsidu et al., 2018)	/	/	/	
(Syed Chear, 2017)	/			
(Kuruliszwili, 2019a)		/		
(Reza Sharif et.al, 2019)			/	
(Lynch et al., 2021)			/	
(Hergüner et al., 2020)				/
(Akyildiz, 2019)				/
(Bozkurt, 2019)				/
(Ritchie, 2018)	/			
(Enríquez, 2017)	/			
(Ramkissoon et al., 2020)	/			
(Novoa, 2019)			/	
(Chimpololo, 2020)			/	
(Aguayo et al., 2020)		/		
(Nadelson et al., 2017)				/
(Richardson et al., 2018a)				/
(Abraham & Komattil, 2017)		/		
(Zachos et al., 2018)	/			
(Chng, 2020)				/

Jadual 1: Pengkelasan tema-tema daripada dapatan kajian.

Tema-tema ini menjelaskan tentang elemen perkaitan adab melalui konteks pembelajaran penentuan sendiri pelajar menggunakan media baharu (mediamorphosis). Strategi heutagogi mediamorphosis dapat memberikan pendekatan berstruktur kepada pendidik dengan mengutamakan elemen adab di dalam pembelajaran sendiri pelajar dan sikap mereka. Para pensyarah perlu memerhatikan ekologi pembelajaran yang menyediakan akses terbuka secara atas talian ini melalui hasil pembelajaran yang baik. Penjelasan lebih terperinci mengenai tema-

tema di dalam jadual 1 menerangkan empat tema yang berfokuskan terhadap elemen adab berbantuan mediamorphosis iaitu :

a. Motivasi dan adab menuntut ilmu melalui strategi heutagogi mediamorphosis.

Tema pertama menjelaskan tentang elemen motivasi dan adab dalam heutagogi mediamorphosis (Chng, 2020; Giannikas, 2019; Kuruliszwili, 2019a; Norhailawati et al., 2019; Salsidu et al., 2018; Syed Chear, 2017; Zachos et al., 2018). Motivasi yang di ketengahkan adalah mempunyai elemen adab pelajar supaya berdisiplin dalam melaksanakan pembelajaran secara sendiri. Antara adab para pelajar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mereka hendaklah berdoa untuk diri sendiri di samping mendoakan juga buat pendidiknya demi mendapatkan keberkatan ilmu. Selain itu, jujur dan bertanggungjawab sepanjang sesi PdP dan membuat persediaan untuk memulakan sesi pembelajaran. Para pelajar sewajarnya mendengar serta duduk dengan sopan sepanjang sesi pengkuliahan supaya keharmonian hubungan antara pelajar dan pensyarah dapat dijaga. Disebabkan PdP dilaksanakan secara atas talian, para pelajar mestilah berusaha menguasai ilmu teknologi untuk memudahkan sesi PdP berjalan dengan lancar (Nur Khamsiah, 2021). Motivasi dan elemen adab yang di ketegahkan ini mampu memupuk pelaksanaan strategi pembelajaran heutagogi atas talian secara perlahan-lahan dapat diterima dalam kalangan pelajar. Pendedahan tentang heutagogi membantu para pendidik dari segi amalan pengajaran dan keberkesanan diri individu melalui pembelajaran atas talian. Selain itu, wujud elemen lain yang membantu pelajar misalnya dari segi aktiviti dan gaya pembelajaran, sokongan pelajar, aktiviti pembelajaran yang praktikal, fleksibel, relevan dan berorientasikan matlamat. Kaedah pembelajaran atas talian ini membantu meningkatkan kesedaran pelajar dalam proses pendidikan (Zachos et al., 2018). Bukan itu sahaja, motivasi terbentuk kerana pelajar yakin berbantuan media digital memberi impak yang besar terhadap penglibatan mereka dalam pelajaran (Norhailawati et al., 2019). Persekitaran yang baik dalam proses pembelajaran mencetuskan semangat pelajar untuk beralih dari mode pasif kepada kekal aktif (Chng, 2020). Kaedah pembelajaran (HM) ini menyokong pendekatan konstruktivis, memudahkan perbincangan dalam persekitaran akademik secara formal atau tidak formal (Giannikas, 2019). Kemudahan pembelajaran secara (HM) ini menyedarkan sebahagian pelajar bahawa penggunaan media sosial boleh membentuk pembelajaran sendiri dalam pendekatan pembelajaran formal atau tidak formal (Kuruliszwili, 2019).

Proses pencarian maklumat disifatkan sebagai proses yang sukar tanpa bantuan internet. Berikutan tarikan yang dibawa media sosial mendorong enrolmen generasi muda. Pelajar perlu memberikan refleksi hasil pembelajaran supaya perlaksanaan heutagogi mediamorphosis ini berkesan kepada pelajar (Richardson et al., 2018b). Refleksi boleh ditulis di dalam blog, atau menghasilkan pengkajian ilmiah berdasarkan kursus yang dipelajari. Komen dan cadangan pelajar sangat bermakna untuk pembelajaran masa hadapan. Menurut (Jazeel, 2016), keberkesanan kaedah heutagogi mediamorphosis dapat membantu pelajar bersedia pada masa hadapan. Ianya dapat dilihat melalui e-kandungan (*e-content*) yang mendorong pembelajaran berfikiran terbuka, refleksi, kritis dan aktif. Manusia dapat mengintegrasikan maklumat kepada pengalaman yang bermakna. Selain itu, refleksi melalui pembelajaran heutagogi mediamorphosis yang fleksibel membuatkan pelajar berasa seronok. Buktinya apabila pembelajaran melalui medium *facebook* mempunyai kelebihan untuk menarik minat, keseronokan dan rasa ingin tahu pelajar serta menjadikannya alat yang sesuai untuk menyokong heutagogi mediamorphosis. Ini kerana, generasi milenium sering menggunakan media dalam pembelajaran mereka (Eachempati et al., 2017).

b. Elemen sikap pelajar menerusi strategi heutagogi mediamorphosis.

Tema kedua menjelaskan tentang sikap pelajar yang terbentuk melalui strategi pembelajaran (HM) (Annamalai, 2018; Bakari & Ashaariiii, 2019; Bazana et al., 2018; Chng, 2020; Joković, 2018; Mardiana, 2019; Muhali, 2019; Salsidu et al., 2018b). Reformasi budaya dan operasi sistem pendidikan dikenal pasti meliputi perkembangan semasa (Bazana et al., 2018). Pelajar merasa lebih terbuka dalam segala penglibatan media digital dalam pembelajaran yang menjadikan alat bantuan mengajar itu satu keperluan bukan lagi satu kehendak (Chng, 2020). Sebilangan pelajar yang mahir menggunakan teknologi digital lebih bersikap terbuka dari pelbagai perkongsian yang melibatkan jantina, emosi dan sebagainya.

Kemudahan internet menghubungkan komuniti dari pembentukan sikap seseorang, nilai moral, aktiviti atau apa sahaja pandangan secara individu (Joković, 2018). Sehubungan dengan itu, strategi pembelajaran berasaskan HM ini melatih kemahiran pelajar dalam melaksanakan pembelajaran yang interaktif, holistic, integratif, kontekstual dan banyak lagi (Muhali, 2019). Pengintegrasian media sosial dalam persekitaran pendidikan membantu perkembangan sesebuah institusi pendidikan sekaligus membentuk identiti pelajar yang kognitif dan positif (Mardiana, 2019). Contohnya, melalui perisian seperti prezi, kahoot, power point, google dan blog membantu pelajar menjadi seorang yang kreatif dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Selain itu, penggunaan media sosial secara aktif memberikan pendedahan ilmu, antaranya di *Instagram*, *whatsapp*, facebook, Tiktok di blog pelajar dan laman wiki atau mengenai topik pembelajaran berasaskan masalah. Para pelajar dapat mencipta dan membentuk pembelajaran secara berkumpulan dan dikongsikan kemampuan ilmu yang diperolehi melalui blog mereka (Abraham & Komattil, 2017). Melalui kemampuan sendiri pelajar dengan menggunakan media sosial pula, ianya dapat memberi peluang untuk mereka mencipta ruang pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (Blaschke, 2018). Namun begitu, bagi situasi pembelajaran dalam talian disebabkan pandemik Covid-19 yang terjadi pada hari ini, perihal adab seakan dipinggir berikutan para pelajar terpisah di tempat yang berbeza dan tidak berhadapan dengan para pensyarah secara realitinya. Oleh hal yang demikian, meskipun berada dalam situasi yang berlainan, adab terhadap pensyarah tetap perlu dijaga sebagai jaminan para pelajar meraih keberkatan dari ilmu yang disampaikan oleh para pensyarah (Farah et al., 2021).

c. Adab penyampaian ilmu melalui strategi heutagogi mediamorphosis.

Penjelasan mengenai tema ketiga ialah penyampaian pembelajaran secara fleksibel (Bakari & Ashaariiii, 2019; Gülbahar et al., 2017; Hamdan & Jasmi, 2016; Inderawati et al., 2019; Kefalis & Drigas, 2019; Mardiana, 2019; Muhali, 2019; Salsidu et al., 2018b; Tecau et al., 2019; Zhao et al., 2019). Adab penyampaian ilmu boleh dilihat dalam situasi majlis ilmu. Majlis ilmu adalah satu tempat bagi pensyarah dan pelajar berkumpul untuk sesi penyampaian ilmu. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid dan rumah baginda adalah tempat yang paling banyak diadakan majlis ilmu yang diadakan secara halaqah. Sahabat duduk berhadapan dengan Rasulullah SAW dan jarak kedudukan yang paling dekat dengan pensyarah adalah yang paling baik kerana dapat membantu pelajar memahami pengajaran pensyarah (Adibah et.al, 2019). Selain itu, adab seorang pelajar yang ingin menuntut ilmu perlulah bersegera untuk sampai awal ke majlis, duduk dan menjaga pergerakan badan, tidak dibenarkan berpaling ke kiri dan ke kanan semasa pensyarah menyampaikan ilmu, tidak ketawa atau meninggikan suara tanpa keperluan, membaca doa dan selawat ke atas Rasulullah SAW dan para sahabat sebelum memulakan majlis. Berbeza dengan zaman teknologi pada hari ini, kaedah PdP telah mengubah keadaan majlis ilmu daripada bersemuka kepada atas talian. Namun, perkara yang disebutkan dalam menjaga adab semasa majlis ilmu masih boleh dipraktikkan ke atas pelajar dalam talian, seperti pelajar masuk segera ke dalam aplikasi sebaik sahaja pensyarah berkongsi talian perhubungan, membuka kamera semasa pensyarah memulakan percakapan, duduk dalam

keadaan selesa, menghormati pensyarah semasa sesi penyampaian ilmu dengan meletakkan pembesar suara dalam keadaan senyap dan tidak membuat aktiviti lain semasa kuliah walaupun pada mata kasar seorang pendidik tidak nampak apa yang dilakukan oleh pelajar di belakang skrin komputer. Kejujuran dan bertanggungjawab adalah perkara yang paling penting dalam menjaga adab pembelajaran secara dalam talian kerana ia bergantung kepada diri seorang pelajar itu sendiri bahawa hanya dirinya sahaja yang tahu perbuatan yang dilakukan ketika sesi PdP berlangsung (Nur Khamsiah, 2021). Penerimaan media dikalangan pelajar kerana ia mempunyai beberapa ciri-ciri tertentu. Penggunaan media yang mengetengahkan penerangan ringkas tetapi dalam masa yang sama sangat terperinci selain menawarkan kefungsi dan penyelesaian yang mudah dan tanpa had (Gülbahar et al., 2017).

Strategi HM ini secara tidak langsung membantu pelajar dalam pengkajian selain memudahkan pencarian tugas pembelajaran (Inderawati et al., 2019). Peranan media sosial menjadi keutamaan dalam proses pembelajaran jarak jauh meliputi proses pembelajaran formal atau tidak formal (Kefalis & Drigas, 2019). Sumber pembelajaran dalam media sosial meningkatkan penglibatan pelajar kerana kemudahan akses untuk setiap lapisan komuniti (Mardiana, 2019). Kaedah pembelajaran dipilih menerusi konteks yang mampu menampung keseluruhan aspek berpusatkan pelajar (Muhali, 2019). Pelajar berpendapat penggunaan media digital memberi kepuasan dalam penyampaian butiran data secara nyata dan jelas (Tecu et al., 2019). Prinsip yang diketengahkan melalui strategi pembelajaran HM ini adalah lebih berpusatkan pelajar, optimum dan interaktif (Zhao et al., 2019). Oleh yang demikian, biasanya proses PdP dilaksanakan melalui permintaan yang sesuai dengan tugas pembelajaran.

Perkongsian hasil kerja pelajar membolehkan antara satu sama lain untuk mendapatkan manfaat. Sebagai contoh, pelajar boleh berkongsi melalui *SlideShare* dan *Research Gate*. Pelajar boleh mengkaji serta menilai hasil tugas masing-masing dan memberi maklum balas secara formatif. Pelajar juga digalakkan membangunkan portfolio profesional dalam talian menggunakan perisian seperti WordPress. Selain itu, penggunaan telefon bimbit, teknologi dan peranti mudah alih juga memberi manfaat kepada pengguna. Antara kemudahannya ialah mengakses sumber internet, menjalankan eksperimen di lapangan, menyimpan maklumat, berkomunikasi serta berkongsi maklumat bersama rakan sekerja dan pakar di seluruh dunia. Peranti mudah alih menggabungkan manfaatnya dengan media sosial serta membolehkan pengguna berkomunikasi dan berkongsi aktiviti kehidupan seharian di alam maya. Hujah ini memperkuat kemampuan pelajar yang merangkumi penggunaan alat media mudah alih dalam kursus yang disokong oleh prinsip-prinsip pembelajaran heutagogi mediamorphosis (Narayan et al., 2019). Bahkan, prinsip perkongsian dalam heutagogi mediamorphosis dapat ditonjolkan oleh pelajar apabila mereka berkongsi sumber pembelajaran melalui penggunaan media sosial. Maka, elemen kolaboratif dapat dizahirkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Nur Ashikin & Nor'ain, 2020).

d. Adab komunikasi dalam perkongsian ilmu melalui strategi heutagogi mediamorphosis.

Akhir sekali, tema keempat membincangkan tentang komunikasi dan interaksi dalam strategi pembelajaran berasaskan HM (Abdullah, 2020; Anderson, 2019; Annamalai, 2018; Bakari & Ashaariiii, 2019; Chng, 2020; Giannikas, 2019; Mardiana, 2019; Muhali, 2019; Norhailawati et al., 2019; Sutherland et al., 2020; Syahirah et al., 2017; Zhao et al., 2019). Keberkesanan komunikasi pelajar lebih meluas kerana perbincangan menggunakan medium sosial media ini membolehkan mereka menyampaikan idea dan buah pikiran sendiri secara santai (Abdullah, 2020). Jurang hubungan pendidik dan pelajar dapat dirapatkan disebabkan pantauan dan campur tangan dalam pembelajaran secara menyeluruh (Anderson, 2019).

Kebanyakan masa pelajar banyak dihabiskan dengan penggunaan media sosial. Hal ini menjadikan komunikasi dan interaksi menjadi lebih rapat antara pelajar lain dan tenaga pengajar (Norhailawati et al., 2019). Kerjasama berdasarkan strategi pembelajaran HM ini

menjadikan komunikasi secara dua hala itu lebih berkesan dan perkongsian menjadi lebih mudah (Chng, 2020). Ketersambungan hubungan yang ditunjukkan membuatkan pelajar mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran akademik mengikut situasi semasa (Giannikas, 2019). Media sosial menunjukkan rangkaian akademik, sokongan professional dan pembangunan professional lebih mudah terbentuk kerana ia mewujudkan satu hubungan interaksi yang kukuh (Sutherland et al., 2020). Kemajuan ini memberi penambahbaikan dalam penyampaian ilmu dan mengolah cara baharu untuk belajar pada zaman millennial ini (Mardiana, 2019). Mod bebas dalam rangkaian sosial ini membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain tanpa halangan (Zhao et al., 2019).

Elemen perhubungan antara komuniti adalah komponen paling utama dalam heutagogi mediamorphosis. Dengan berhubung antara sama lain, motivasi intristik pelajar akan meningkat disebabkan persekitaran pembelajaran yang sama dengan komuniti. Selain itu, kepelbagaian maklumat yang mudah untuk diakses menggunakan media, memberikan motivasi terhadap persepsi dan amalan pelajar dalam pembelajaran yang ditentukan sendiri (Novoa, 2019). Malah, kepelbagaian laman media sosial yang boleh diakses di mana-mana tempat dan situasi dapat memudahkan para pelajar berhubung dan berinteraksi dengan individu lain (Nadelson et al., 2017). Penggunaan media sosial dalam strategi heutagogi mediamorphosis dapat menyokong autonomi pelajar, di samping menuntut penglibatan kognitif. Prinsip-prinsip heutagogi mediamorphosis ini memberi peluang kepada pelajar untuk tampil dengan lebih produktif dalam dunia kini yang semakin mencabar (Abraham & Komattil, 2017). Selain itu, heutagogi mediamorphosis juga mendorong pelajar untuk menggunakan teknologi mudah alih dan media sosial dalam bidang pendidikan kewartawanan. Implikasi di bidang kajian komunikasi dan hubungan masyarakat ini dapat melatih pelajar untuk berhubung antara satu sama lain melalui media penyiaran (Mulrennan, 2018).

Kaedah kolaborasi bersama komuniti pembelajaran membolehkan pelajar memperoleh lebih banyak pengetahuan dan pandangan yang berbeza-beza. Kolaborasi adalah alat yang paling penting dalam proses pembelajaran terutamanya dalam pembelajaran berkumpulan. Selain itu, pelajar dapat menyelesaikan masalah bersama serta mempelajari sesuatu yang baru apabila berkolaborasi. Walau bagaimanapun, dengan kemudahan seperti *Google Docs* menjadikan pembelajaran boleh dijalankan atas talian. Dalam elemen kolaborasi ini, pensyarah hanya perlu membantu apabila diperlukan sahaja kerana agen utama dalam heutagogi mediamorphosis ialah pelajar (Nurul Aisyah et.al, 2019).

Kesimpulan dan Cadangan

Kesimpulannya, trend kajian strategi pembelajaran heutagogi dan mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi dalam lima tahun terkini (2017-2021) semakin menyokong elemen adab di dalam PdP. Justeru, elemen-elemen adab perlulah dipraktikkan dan menjadi komponen yang perlu difokuskan oleh setiap para pelajar di dalam pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan bahawa pendekatan heutagogi mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi mampu dilaksanakan dengan pelbagai kaedah pelaksanaannya seiring dengan kecemerlangan sikap pelajar. Berdasarkan tema-tema yang diperolehi dalam kajian ini, dapat menyokong pendekatan heutagogi mediamorphosis dengan baik dalam apa jua bidang pendidikan sekalipun. Ini kerana, pendekatan heutagogi mediamorphosis dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel dan terkini tanpa menysisihkan elemen adab. Dengan sokongan digitalisasi, aplikasi teknologi mudah alih, pembelajaran penentuan sendiri dapat membantu pelajar demi pembelajaran yang proaktif. Bagi pihak Institusi Pengajian Tinggi pula, hasrat dan matlamat kerajaan untuk meningkatkan akses dan kualiti pendidikan tinggi akan tercapai melalui

pendekatan pembelajaran holistik dengan meletakkan keutamaan elemen adab di dalam pengajaran dan pembelajaran.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah dana penyelidikan geran *Fundamental Research Grant Scheme* 2018-1 dengan kod rujukan FRGS/1/2018/SSI09/ UITM/02/4.

Rujukan

- Abdullah, H. (2020). Preparatory Year Students' Perspectives on the Inclusion of Social Networking Sites (SNS) in Higher Education. *Online Submission*, 1–14.
- Abraham, R. R., & Komattil, R. (2017). *Heutagogic approach to developing capable learners. March*. <https://doi.org/10.1080/0142159X.2017.1270433>
- Adama, R. (2017). *Komunikasi Pelanggaran Adab : Satu Analisis Konsep Adab Al-Attas Dalam Drama Ayam Jantan Ayam Communicating the Loss of Adab : a Discourse Analysis on Al-Attas ' Concept of Adab in the Play Ayam Jantan*. 376–390.
- Adibah et.al. (2019). Konsep Pendidikan Islam : Adab pensyarah-pelajar. *Sains Insani*, 4(1), 61–67.
- Aguayo, C., Eames, C., & Cochrane, T. (2020). A framework for mixed reality free-choice, self-determined learning. *Research in Learning Technology*, 28(March). <https://doi.org/10.25304/rlt.v28.2347>
- Akyildiz, S. T. (2019). *Do 21 st Century Teachers Know about Heutagogy or Do They Still Adhere to Traditional Pedagogy and Andragogy ?* 15(6), 0–3.
- Al-Attas, S. M. N. (1980). The Concept of Islamic Education. *The Keynote Address Delivered at the First World Conference on Muslim Education*, 3, 16. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Alamri, M. M. (2021). Using blended project-based learning for students' behavioral intention to use and academic achievement in higher education. *Education Sciences*, 11(5). <https://doi.org/10.3390/educsci11050207>
- Alias, M. S. (2018). Adab-Adab Penyelidik Muslim Berdasarkan Surah Al-Hujurat. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(7), 71–82.
- Amran, S. N. A., Shaharuddin, S. A., Usman, A. H., Abdullah, M. Y. M. A., & Abd Majid, M. (2020). Sorotan Literatur Sistemik: Indikator Usahawan Berjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 136–150. <http://www.gjat.my/gjat2018si/SI2018-02.pdf>
- Anderson, T. (2019). Challenges and Opportunities for Use of Social Media in Higher Education. *Journal of Learning for Development*, 6(1), 6–19.
- Annamalai, N. (2018). *Exploring the use of Facebook and other social media sites in pre-service*

teacher education Nagaletchimee Annamalai School of Distance Education Universiti Sains Malaysia. 47(1), 1–14.

Asmah & Ribhan. (2021). Perspektif Hikmah Pendidikan Atas Talian Ketika Wabak Covid-19 (The Wisdom Perspective of Online Learning During the Covid-19 Outbreak). *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(June).

Bakari, N. A., & Ashaariiii, M. F. (2019). *the Influence of New Media Freedom Towards Religous Practices : a Preliminary Review. 16(2), 17–27.*

Bazana, S., McLaren, L., & Kabungaidze, T. (2018). Transforming while transferring: An exploratory study of how transferability of skills is key in the transformation of higher education. *Transformation in Higher Education*, 3, 1–14. <https://doi.org/10.4102/the.v3i0.35>

Blaschke, L. M. (2018). *10 Self-determined Learning (Heutagogy) and Digital Media Creating integrated Educational Environments for Developing Lifelong Learning Skills. 2001.*

Bozkurt, A. (2019). The historical development and adaptation of Open Universities in Turkish Context: Case of Anadolu University as a Giga University. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 20(4), 37–59. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v20i4.4086>

Chimpololo, A. (2020). An analysis of heutagogical practices through mobile device usage in a teacher training programme in malawi. *Journal of Learning for Development*, 7(2), 190–203.

Chng, L. K. (2020). Face-to-Face Tutorials, Learning Management System and WhatsApp Group: How Digital Immigrants Interact and Engage in E-learning? *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 8(1), 18–35. <https://doi.org/10.17220/mojet.2020.01.002>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). Pusat Rujukan Persuratan Melayu @ DBP. In *Dewan Bahasa dan Pustaka* (p. 1817).

Eachempati, P., Ks, K. K., Rashid, A., & Ismail, H. (2017). *Heutagogy through Facebook for the Millennial. 1–12.*

Enríquez, L. (2017). Fractal: an educational model for the convergence of formal and non-formal education. *Open Praxis*, 9(4), 375. <https://doi.org/10.5944/openpraxis.9.4.699>

Farah, N., Nazim, S., & Sulaiman, A. M. (2021). *Adab Murid Terhadap Pensyarah Menurut Ibn Jama ' Ah : Aplikasinya Dalam Konteks Pembelajaran Dalam. 18(1), 1–15.*

Fidler, R. (1997). Mediamorphosis: Understanding New Media. In *Mediamorphosis: Understanding New Media* (p. 29). Sage Publication, Inc. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.4135/9781452233413>

Giannikas, C. (2019). Facebook in tertiary education: The impact of social media in e-learning. *Journal of University Teaching and Learning Practice*, 17(1).

- Gülbahar, Y., Rapp, C., Kilis, S., & Sitnikova, A. (2017). Enriching higher education with social media: Development and evaluation of a social media toolkit. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 18(1), 23–39. <https://doi.org/10.19173/irrodl.v18i1.2656>
- Haddaway, N.R., Macura, B., Whaley, P., et al. (2018). *RepOrting standards for Systematic Evidence Syntheses: pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps*.
- Haddaway et al. (2018). *Reporting standards for Systematic Evidence Syntheses: pro forma, flow-diagram and descriptive summary of the plan and conduct of environmental systematic reviews and systematic maps*.
- Hergüner, G., Buğra SON, S., Hergüner Son, S., & Dönmez, A. (2020). The effect of online learning attitudes of university Students on their Online Learning Readiness. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 19(4), 102–111.
- Inderawati, R., Petrus, I., & Jaya, H. P. (2019). Exploring and Identifying Technology-Based Dynamic Learning Through Social Media in Academic Writing. *English Community Journal*, 3(1), 317. <https://doi.org/10.32502/ecj.v3i1.1697>
- Jamaludin, R., McKAY, E., & Ledger, S. (2020). Are we ready for Education 4.0 within ASEAN higher education institutions? Thriving for knowledge, industry and humanity in a dynamic higher education ecosystem? *Journal of Applied Research in Higher Education*, 12(5), 1161–1173. <https://doi.org/10.1108/JARHE-06-2019-0144>
- Jazeel, A. M. (2016). Effectiveness of Heutagogy Integrated E-Content Modules on Understanding Osmosis Among Science Students in Colleges of Education in Sri Lanka. *International Educational Applied Scientific Research Journal ISSN, 1*, 2456–5040.
- Joković, J. (2018). The risks of the virtual world for young population and prevention of internet addiction. *Inovacije u Nastavi*, 31(4), 145–159. <https://doi.org/10.5937/inovacije1804145j>
- Kamal, M. H., & Hussin, M. (2020). *Analisis Tinjauan Literatur Sistematis (SLR) Berkaitan Penterjemahan Elemen Iltifāt [A Systematic Literature Review (SLR) Analysis on the Translation of Iltifāt Elements]*. 5(1), 197–210.
- Kefalis, C., & Drigas, A. (2019). Web based and online applications in STEM education. *International Journal of Engineering Pedagogy*, 9(4), 76–85. <https://doi.org/10.3991/ijep.v9i4.10691>
- Kuruliszwili, S. (2019a). *Samokształcenie i technologie informacyjne – zmienność form i trudność klasyfikacji Self-education and information technologies – changeability of forms and difficulty*. 39–50.
- Kuruliszwili, S. (2019b). *Self-education and information technologies – changeability of forms and difficulty*. 1, 39–50.

- Lynch, M., Sage, T., Hitchcock, L. I., & Sage, M. (2021). A heutagogical approach for the assessment of Internet Communication Technology (ICT) assignments in higher education. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 18(1). <https://doi.org/10.1186/s41239-021-00290-x>
- Mardiana, H. (2019). Social Media in Higher Education and Its Effect. *Indonesian Journal of Learning and Instruction*, 2(1). <https://doi.org/10.25134/ijli.v2i01.1682>.
- Mishra, P. (2020). Restructuring Mainstream Journalism: A Comparative Study Of Traditional And New Media Concepts. *Journal of Critical Reviews*, 1–11. <https://doi.org/10.31838/jcr.07.12.124>
- Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam. *Jurnal At-Ta'dib*, 6(1).
- Mohd Tajudin, ain, Ashikin Suhaimi, N., Adnan, M., & Puteh, M. (2020). Synergizing Mathematical Learning at Higher Institution through Heutagogical Approach. *Universal Journal of Educational Research*, 8(6), 2646–2653. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.080648>
- Muhali, M. (2019). Pembelajaran Inovatif Abad Ke-21. *Jurnal Penelitian Dan Pengkajian Ilmu Pendidikan: E-Saintika*, 3(2), 25. <https://doi.org/10.36312/e-saintika.v3i2.126>
- Nadelson, L. S., Berg, W., Fox, B., Grandbouche, P., Harris, M., Kroschel, T. L., & Sandoval, S. (2017). Snap, Tweet and Post: College Student Social Media Perceptions and Heutagogic Practices and Uses. *International Journal of Higher Education*, 6(4), 11. <https://doi.org/10.5430/ijhe.v6n4p11>
- Narayan, V., Herrington, J., & Cochrane, T. (2019). *Design principles for heutagogical learning : Implementing student-determined learning with mobile and social media tools*. 35(3), 86–101.
- Nelimarkka, M., Leinonen, T., Durall, E., & Dean, P. (2021). Facebook is not a silver bullet for teachers' professional development: Anatomy of an eight-year-old social-media community. *Computers and Education*, 173(July 2020), 104269. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2021.104269>
- Norhailawati, M., Handayani, L., Kalsum, H. U., Saringat, Z., Aidahani, A., Bakri, S. H., & Prahmana, R. C. I. (2019). The power of social networking sites: Student involvement toward education. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 8(3), 549–556. <https://doi.org/10.11591/ijere.v8i3.20352>
- Norwahida et.al. (2021). *Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Penggunaan Kemudahan Di Atas Talian Untuk Menyokong Aktiviti Pembelajaran Fleksibel Berdasarkan Elemen Rekabentuk Pendekatan Heutagogi*. 3(8), 35–48. <https://doi.org/10.35631/IJMOE.38004>
- Novoa, M. (2019). *Innovating Industrial Design Curriculum in a Knowledge-Based , Participatory and Digital Era*.
- Nur Ashikin & Nor'ain. (2020). *Mensinergikan pengajaran matematik peringkat universiti*

- melalui pendekatan heutagogi ke arah kurikulum tersedia masa hadapan.* 2(3), 54–67.
- Nur Khamsiah. (2021). *Tanggungjawab Menjaga Adab Menuntut Ilmu Semasa.* 2021(April), 215–226.
- Nurul Aisyah et.al. (2019). *Pendekatan Heutagogi : Keberkesanan M-Pembelajaran untuk pendidikan sepanjang hayat.* 3(2018), 53–61.
- Nurul Shakirah & Hairulliza. (2020). Model of Meaningful Learning Using Social Media in Higher Education Institution. *Asia-Pacific Journal of Information Technology & Multimedia*, 09(02), 1–25. <https://doi.org/10.17576/apjitm-2020-0902-06>
- Ramkissoo, P., Belle, L. J., & Bhurosy, T. (2020). Perceptions and experiences of students on the use of interactive online learning technologies in Mauritius. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 9(4), 833–839. <https://doi.org/10.11591/ijere.v9i4.20692>
- Reza Sharif et.al. (2019). *Technology of Education Journal Investigating and identifying an interactive mobile learning model for improving the safety in the railway.*
- Richardson, L. P., McGowan, C. G., & Styger, L. E. J. (2018a). *A Quality Approach to Masters Education Using an Australian Case Study -- A Reflection.* 6(8), 1837–1847. <https://doi.org/10.13189/ujer.2018.060829>
- Richardson, L. P., McGowan, C., & Styger, L. (2018b). *A Quality Approach to Masters Education Using an Australian Case Study -- A Reflection A Quality Approach to Masters Education Using an Australian Case Study.* 6, 1837–1847.
- Ritchie, L. (2018). Opening the Curriculum through Open Educational Practices: International experience. *Open Praxis*, 10(2), 201. <https://doi.org/10.5944/openpraxis.10.2.821>
- Rodrigues, A. L., Cerdeira, L., Machado-Taylor, M. de L., & Alves, H. (2021). Technological skills in higher education—different needs and different uses. *Education Sciences*, 11(7). <https://doi.org/10.3390/educsci11070326>
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif Dalam Bidang Pendidikan Teknikal : Satu Sorotan Literatur. *Sains Humanika*, 10(3), 21–27. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3.600>
- Samir, hammad ahmed. (2015). mediamorphosis and beyond : mass media on social networks between use and abuse : a SWOT analysis. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 8(1), 1–15.
- Shaffril, H. A. M., Samah, A. A., & Kamarudin, S. (2021). Speaking of the devil: a systematic literature review on community preparedness for earthquakes. *Natural Hazards*, 108(3), 2393–2419. <https://doi.org/10.1007/s11069-021-04797-4>
- Sutherland, K., Terton, U., Davis, C., Driver, C., & Visser, I. (2020). Academic Perspectives and Approaches to Social Media Use in Higher Education : A Pilot Study. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 32(1), 1–12.

- Syahirah, S. S., Shafie, R. S., & Samsudin, Z. (2017). Gender and religious interpretation in Malaysian social media: Sentiment and semantic representation analysis. *Journal of Media and Information Warfare*, 9(June), 23–44.
- Syed Chear, S. L. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp dan Telegram di Universiti Swasta. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2), 87–97. <https://doi.org/10.17576/jpen-2017-42.02-02>
- V.Rasiah, R. R. (2014). Transformative Higher Education Teaching and Learning: Using Social Media in a Team-based Learning Environment. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 123(2012), 369–379. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.01.1435>
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 93–112. <https://doi.org/10.1177/0739456X17723971>
- Zachos, G., Paraskevopoulou-Kollia, E. A., & Anagnostopoulos, I. (2018). Social media use in higher education: A review. *Education Sciences*,. <https://doi.org/10.3390/educsci8040194>
- Zhao, X., Wang, Y., Liu, Y., Xu, Y., Meng, Y., & Guo, L. (2019). Multimedia based teaching platform for english listening in universities. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 14(4), 160–168. <https://doi.org/10.3991/ijet.v14.i04.9690>